

EOMYCIN GRANULES

Erythromycin Ethyl Succinate (200mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Eomycin Granules
2. Bagaimana Eomycin Granules berfungsi
3. Sebelum menggunakan Eomycin Granules
4. Cara menggunakan Eomycin Granules
5. Semasa menggunakan Eomycin Granules
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Eomycin Granules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Eomycin Granules

Eomycin Granules adalah sejenis antibiotik dan digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria.

Bagaimana Eomycin Granules berfungsi

Eomycin Granules mengandungi erythromycin ethyl succinate iaitu sejenis antibiotik daripada kumpulan macrolides. Ubat ini berfungsi untuk membunuh atau menghalang pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Eomycin Granules

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Eomycin Granules jika anda:

- mempunyai alahan terhadap erythromycin ethyl succinate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).
- mengambil:
 - Mizolastine (merawat reaksi alahan)
 - simvastatin (ubat untuk mengawal kolesterol tinggi)
 - tolterodine (ubat untuk merawat pundi kencing yang terlalu aktif)
 - amisulpride, pimizide (untuk merawat penyakit mental)
 - domperidone (ubat untuk mual dan muntah)
 -
 -

- Cisapride (ubat untuk pedih ulu hati)
- ergotamin/ dihydroergotamine (digunakan untuk merawat migrain)

- Sebelum mula menggunakan Eomycin Granules

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai sebarang jangkitan lain
- akan menjalani sebarang ujian darah
- pernah mengalami tindak balas alahan serius menyebabkan muka dan tekak bengkak dengan masalah pernafasan, ruam, demam, kelenjar bengkak
- mempunyai masalah hati.
- mengalami lemah otot.
- mempunyai sejarah masalah jantung.
- mengalami cirit-birit setelah menggunakan antibiotik
- mengalami kecederaan otot atau penyakit buah pinggang.
- Sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan anak. Erythromycin boleh dirembeskan ke dalam susu ibu. Sekiranya anak anda muntah dengan masalah penyusuan, berjumpa dengan doktor segera kerana ia mungkin disebabkan gejala *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain disebabkan interaksi ubat:

- quinidine (untuk degupan jantung yang tidak teratur)
- rifabutin (antibiotik)
- sildenafil (mati pucuk),
- tacrolimus (untuk mengelakkan penolakan organ)
- triazolam & zopiclone (gangguan tidur)
- alprazolam, benzodiazepines atau triazolobenzodiazepines (ubat untuk menenangkan masalah emosi)
- carbamazepine, phenobarbitone dan phenytoin (merawat gangguan sawan)
- colchicine (untuk merawat gout)

- verapamil (tekanan darah tinggi)
- Lovastatin (ubat untuk mengawal tahap kolesterol).
- ubat yang menyebabkan masalah hati
- Cimetidine (untuk pedih ulu hati atau ulser perut)
- Alfentanil (ubat yang digunakan sebagai bius semasa pembedahan).
- Bromocriptine (ubat yang digunakan untuk merawat penyakit Parkinson).
- Theophylline (ubat yang digunakan untuk merawat kesukaran bernafas)
- Digoxin (ubat yang digunakan untuk merawat kegagalan jantung)
- Midazolam atau hexobarbitone (ubat yang digunakan sebagai sedatif)
- Acenocoumarol atau cilostazol (ubat untuk mencairkan darah).
- Cyclosporine (digunakan untuk mengurangkan imunitasi badan).
- Disopyramide (ubat yang digunakan dalam masalah hati).
- Methylprednisolone (digunakan untuk merawat keadaan seperti *arthritis*, gangguan darah)
- Ubat untuk jangkitan kulat (fluconazole, ketoconazole dan itraconazole)
- Pil pencegah kehamilan

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Eomycin Granules

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

(400 mg atau 10ml setiap 6 jam) Dos maksimum adalah sehingga 4g sehari. Kanak-kanak: 30 - 50 mg / kg berat badan setiap hari.

Arahan campuran:

Goncangkan bekas untuk meleraikan serbuk. Masukkan lebih kurang 30 ml air & goncangkan. Naikkan isipadu hingga 60 ml dengan air.

Bila perlu digunakan

Ambil setiap 6 jam atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

EOMYCIN GRANULES

Erythromycin Ethyl Succinate (200mg per 5ml)

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Selesaikan kursus antibiotik.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuklah:

- hilang pendengaran, loya yang teruk, muntah dan cirit-birit.

Semasa menggunakan Eomycin Granules

- Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor .
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Eomycin Granules.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Eomycin Granules kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Eomycin Granules memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Eomycin Granules boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan walau bagaimanapun kekerapannya tidak diketahui:

- Tindak balas alahan dan kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata. Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami simptom ini.

Kesan sampingan lain yang dilaporkan::

- Gangguan sistem darah atau limfa yang boleh menyebabkan peningkatan sesetengah sel darah putih.

Gangguan psikiatri

- khayalan

Gangguan sistem saraf

- kekeliruan, sawan dan rasa berpusing

Gangguan mata

- hilang penglihatan

Gangguan telinga

- Pekak, berdering dalam telinga

Gangguan jantung

- Jantung berdebar dan degupan jantung yang tidak teratur.

Gangguan vaskular

- Tekanan darah rendah

Gangguan gastrousus

- ketidakselesaan perut, mual, muntah, cirit-birit, gangguan pemakanan

Gangguan hati

- jaundis dan kerosakan hati

Gangguan kulit dan tisu

- ruam kulit, gatal masalah buah pinggang dan membuang air kecil

Gangguan kesihatan am dan kesan pada tempat suntikan

- sakit dada, demam, rasa tidak selesa

Siasatan makmal

- Paras enzim hati meningkat

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Eomycin Granules

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya.

- Pelupusan

Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan itu. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Granul putih yang menjadi ampaiian merah jambu apabila dicampur air.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Erythromycin ethyl succinate

- Bahan tidak aktif

Tween 80, ponceau 4r, sugar, rhodigel, sodium saccharin, dibasic sodium phosphate, titanium dioxide, raspberry flavour, pvp-k90, dimethicone, aerosil, talc.

- Nombor MAL:

MAL19880348ACZ

EOMYCIN GRANULES

Erythromycin Ethyl Succinate (200mg per 5ml)

Pemegang Pendaftaran Produk dan

Pengilang

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

29/08/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)290822/00057

